

MARI SEBAR KASIH SAYANG

Cukup, cukup lah! Peranan cybertroopers hari ini perlu diubah demi Malaysia tercinta.

Pensyarah Kanan Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ahmad Saufiyyan Hasan berkata, cybertroopers hari ini perlu membawa mesej keamanan dan kasih sayang yang dapat dikongsi bersama rakyat.

"Kita tahu apabila menyebut perang saraf, orang merujuk kepada sesuatu yang negatif tetapi sebenarnya tidak.

"Kita boleh lihat perang saraf ini sebagai instrumen yang boleh memupuk kasih sayang dan keamanan, peranan cybertroopers ini selain daripada menyerang mereka juga boleh membina kandungan maklumat ataupun mesej berorientasikan kepada kasih sayang," katanya.

Menjelaskan bagaimana mahu mengubah cybertroopers yang sebelum ini sinonim dengan 'serang, serang, serang' dalam musim PRU, ini jawapan Ahmad Saufiyyan:

"Hari ini kita gunakan pendekatan aman, aman, aman ataupun mungkin sayang, sayang, sayang. Jadi penggunaan perkataan itu akan merubah tindakan dan juga cara kita mendekati pengguna media sosial.

"Saya lihat hari ini adalah hari yang tepat untuk cybertroopers menjadi penyebar agenda keamanan dan nilai-nilai kasih sayang menjelang PRU14 supaya selepas PRU14 dan pada PRU akan datang kita dapat membina solidariti dalam kalangan masyarakat, pengikut politik. Sebab akhirnya Malaysia ini adalah negara kita."



AHMAD SAUFIYYAN